

## **Bolehkah 3M bentuk kuasa ketiga?**

**Free Malaysia Today**

**Jun 27, 2016**

**Scott Ng**

### **Pemecatan Muhyiddin dan Mukhriz daripada Umno mungkin akan menyebabkan penyusunan semula politik Malaysia.**

Masa depan politik Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir kini terawang-awang, susulan mereka dipecat daripada Umno selepas setahun konfrontasi kuasa berlaku antara bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dengan mereka yang setia bersama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Kejatuhan Muhyiddin daripada kedudukannya amat menakjubkan. Tahun lalu, dia hanya selangkah daripada jawatan PM.

Tetapi dengan cepat dia diketepikan daripada Umno selepas memilih untuk bercakap menentang 1MDB. Sejak itu dia menjadi figura yang sepi, tidak pernah bangkit dan memotivasikan, sedangkan Mahathir berharap dia akan menjadi ketua dalam gerakan anti Najib.

Mukhriz pada mulanya kelihatan tidak mencampuri hal ehwal bapanya, sehinggalah dia disingkirkan daripada jawatan menteri besar Kedah beberapa bulan lalu. Pemecatan itu dilihat secara tidak langsung menjadi hukuman politik kepada bapanya. Sejak itu Mukhriz aktif dalam gerakan anti Najib.

Kini, kejadian terbaru ini membangkitkan persoalan sama ada Mahathir, Mukhriz dan Muhyiddin – yang digelar 3M – boleh membentuk kuasa ketiga utama? Ramai yang membayangkan kuasa ketiga didorong oleh golongan moderat di Malaysia, mungkin diterajui Datuk Zaid Ibrahim, tetapi perlukah 3M membentuk blok politik mereka sendiri, mereka mungkin mempunyai pengaruh mencukupi untuk mengumpul sekutu dan mengumpulkan angkatan perang bagi memperkasa kuasa yang boleh dipercayai untuk menyertai PRU14.

Kononnya, penajaran anti Najib akan bersekutu dengan Pakatan Harapan adalah langkah yang paling logik, tetapi PKR mungkin mendatangkan masalah. Kebanyakan ahlinya sangat setia kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim. Mereka mungkin enggan mengadakan sebarang hubungan bermakna dengan Mahathir, lelaki yang dilihat sebagai bertanggungjawab terhadap kejatuhan pemimpin mereka yang kini dipenjarakan. DAP dan Amanah pula setakat ini menunjukkan kesanggupan untuk bersama Mahathir.

Bagaimanapun, selamat untuk mengatakan ramai penyokong Pakatan tidak akan selesa dengan hubungan terlalu rapat antara pakatan itu dengan sekumpulan ahli politik yang dianggap baka baik Umno. Jika penajaran itu akan lebih meretakkan Pakatan dan

mengasingkan sebahagian pangkalan sokongannya, maka tiga parti dalam gabungan itu perlu sama ada menolak kuasa ketiga atau menyusun pakatan mereka di sekelilingnya.

Satu benda yang pasti: parti pembangkang, termasuk PAS tidak boleh menandingi angkatan perang BN secara bersendirian, dan dengan bisik-bisik mula kedengaran mengenai PRU14 bakal diadakan tahun depan, sudah tentu dapat dibayangkan pakatan pemerintah sudah mula mengumpul dana yang diperlukan untuk menggunakan permainan tertentu dan jentera pilihan raya.

Mahathir, sebagai ahli politik veteran, dia akan menjadi pelakar perbezaan untuk mana-mana parti pembangkang yang memilih untuk bersatu dengan 3M. Kita tidak boleh mengetepikan jasanya selama bertahun-tahun melengkapkan jentera yang sama digunakan Najib sekarang. Dana yang datang sebagai ucapan terima kasih kepadanya akan memperkasakan jentera kuasa ketiga ke paras yang mungkin boleh menandingi BN.

Apa pun, kita tidak boleh menjangkakan 3M akan duduk diam untuk tempoh yang lama. Pemecatan Muhyiddin dan Mukhriz memuktamadkan perceraian antara Mahathir dan Najib dalam Umno. Kita mungkin akan melihat penyusunan semula politik Malaysia dalam beberapa minggu lagi.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2016/06/27/bolehkah-3m-bentuk-kuasa-ketiga/>